

# **AL-HIKMAH**

---

**Jilid            14            ISSN 1985-6822            2022**  
**No.            1                       1443**

---

- PENDEKATAN HEUTAGOGI: PERSEPSI MURID TERHADAP PENTAKSIRAN RAKAN SEBAYA ... 3-20  
*Noor Muslieah Mustafa Kamal, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman*
- PENAGIHAN DADAH DALAM KALANGAN BELIA DAN IMPAKNYA TERHADAP PSIKOLOGI IBU BAPA ... 21-36  
*MohD Farid Japeri, Abu Dardaa Mohamad & Khazri Osman*
- TINJAUAN AWAL TERHADAP PENGGUNAAN ILMU PERBANDINGAN AGAMA DALAM DAKWAH DI MALAYSIA ... 37-52  
*Aemy Elyani Mat Zain & Jaffary Awang*
- DAKWAH MELALUI PENDEKATAN USRAH TERHADAP PEMBANGUNAN INSAN MAHASISWA... 53-69  
*Mohd Muqrie Mohd Sopi & Siti Jamiaah Abdul Jalil*
- PELAKSANAAN TARBIYAH AL-RUHIYAH DI BAHAGIAN DAKWAH, JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU (JHEAT)...70-83  
*Siti Nabilah Mohd Fadli & Anuar Puteh*

*Al-Hikmah* 14(1) 2022: 53-69

## Dakwah Melalui Pendekatan Usrah Terhadap Pembangunan Insan Mahasiswa

Dakwah Through Usrah Approach Towards Student Human  
Development

\* MOHD MUQRIE MOHD SOPI  
SITI JAMIAAH ABDUL JALIL

### ABSTRAK

Mahasiswa adalah pelapis kepimpinan negara. Pembangunan insan mahasiswa menjadi tunggak kemajuan negara. Namun, di era siber ini, mahasiswa juga tidak terkecuali menghadapi cabaran dalam menghadapi pelbagai pengaruh luar yang memberi impak negatif kepada diri. Rentetan itu, program-program pembangunan insan perlu di bangun dan diperkuatkan agar dapat melestarikan kualiti keperibadian mahasiswa. Usrah merupakan salah satu aktiviti dakwah kepada mahasiswa yang telah sekian lama bertapak di universiti. Usrah antaranya berperanan sebagai tempat menimba ilmu, membimbing, melatih dan membantu ahli membangunkan diri menjadi insan beriman, berilmu dan beramal. Oleh itu, kajian ini merupakan kajian kepustakaan dan data diperolehi melalui metode analisis dokumen dan analisis kandungan bahan-bahan berkaitan kajian seperti jurnal, buku, majalah, akhbar dan lain-lain. Dapatkan menunjukkan pendekatan usrah membantu meningkatkan kesedaran dan penghayatan agama serta memberi kesan dari sudut pembangunan insan mahasiswa dalam menyeimbangkan tuntutan duniaawi dan ukhwawi.

**Kata kunci:** *Dakwah, usrah, pembangunan insan, mahasiswa, universiti*

### ABSTRACT

Students are the backbone of the country's leadership. Student human development is a pillar of the country's progress. However, in this cyber era, students are no exception to facing challenges in facing various external influences that harm them. As a result, human development programs need to develop and strengthen to preserve the quality of student personality. Usrah is one of the da'wah activities for students who have been established in the university for a long time. Usrah, among others, serves as a place to gain knowledge, guide, train and help members develop themselves into faithful, knowledgeable, and charitable people. Therefore, this

study is a literature review. Data were obtained through document analysis methods and content analysis of study-related materials such as journals, books, magazines, newspapers, and others. Findings show that the usrah approach helps increase awareness and appreciation of religion and affects students' development in balancing worldly and hereafter demands.

**Keywords:** *Da'wah, usrah, human development, student, university*

Received: 01 June 2022  
Accepted: 26 June 2022

Revised: 18 June 2022  
Published: 30 June 2022

## PENDAHULUAN

Mahasiswa adalah pelapis peneraju kepimpinan negara. Pembangunan insan yang unggul sudah pasti tidak boleh tidak perlu dikuasai oleh golongan mahasiswa agar mereka mampu melaksanakan amanah dan tanggungjawab dengan baik. Hal ini selari dengan misi bagi setiap Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk membentuk peribadi mahasiswa yang unggul. Universiti bukan sekadar mempunyai peranan akademik untuk memperkembangkan keupayaan pemikiran seseorang, akan tetapi ia juga mempunyai peranan membangunkan insan dari sudut sosial dan peribadi bagi membentuk imej individu berkualiti. Mahasiswa kebanyakannya merupakan golongan remaja yang perlu dibimbing dan dipandu dengan teladan yang baik agar golongan ini dapat menjadi pemangkin untuk membangun tamadun bangsa. Rentetan itu, langkah pihak universiti mengambil tanggungjawab menggalakkan dan menyediakan pelbagai aktiviti pembangunan insan kepada mahasiswa agar dapat melestarikan generasi berkualiti tinggi harus diberi pengiktirafan.

Salah satu aktiviti pembangunan insan yang dilaksanakan di institusi pengajian tinggi ialah usrah. Usrah ialah satu aktiviti mempertemukan sekumpulan ahli seperti ahli sesebuah keluarga. Aktiviti yang dijalankan secara bersama bertujuan bagi meningkatkan iman dan ketakwaan kepada Allah SWT. Usrah juga merupakan salah satu wasilah dakwah dan biasanya digunakan dalam budaya sesebuah organisasi Islam. Kaedah usrah diperkenalkan oleh Sheikh Hassan al-Banna (1906-1949). Usrah juga merupakan salah satu pendekatan dakwah Rasulullah SAW yang mengumpulkan satu kelompok yang kecil dimulai dengan ahli keluarga, sahabat handai terdekat dan seterusnya kepada masyarakat (Norsaadah et al. 2012).

Bermula dengan misi dakwah, pada masa ini perkembangan usrah di peringkat Universiti merupakan suatu perkara yang tidak asing bagi kebanyakan mahasiswa khususnya yang berlatar belakangkan pengajian

agama. Tambahan pula terdapat sebahagian Institusi Pengajian Tinggi yang menjadikan usrah sebagai silibus kursus yang perlu diambil oleh para pelajar (Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor 2011 & Bahagian Latihan Kepimpinan Pelajar Universiti Islam Antarabangsa, 1995). Keunikan aktiviti usrah sebagai salah satu aktiviti pembangunan insan kepada mahasiswa menjadi daya tarikan untuk dikaji. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui konsep pendekatan dakwah melalui Usrah terhadap pembangunan insan mahasiswa.

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi memainkan peranan yang penting dan merupakan teknik terpenting bagi mendapatkan data dan fakta yang bersangkutan subjek kajian secara sistematik dan kolektif. Kajian ini merupakan kajian kepustakaan dan data diperolehi melalui metode analisis dokumen dan analisis kandungan bahan-bahan berkaitan kajian seperti jurnal, buku, majalah, akhbar dan lain-lain. Menurut Munawar & Shahizan (2019) pendekatan kualitatif digunakan untuk meneroka dan memahami individu atau kumpulan yang terlibat dalam sesuatu masalah atau fenomena manusia dan masyarakat berdasarkan kepada kualiti konteks. Skop kajian ini ialah berkaitan dakwah melalui usrah terhadap pembangunan insan mahasiswa dalam konteks IPT di Malaysia. Oleh itu kajian-kajian dan dokumen berkaitannya menjadi sumber utama kajian ini untuk dianalisis.

## KONSEP USRAH

Usrah dari sudut bahasa bermaksud keluarga. Menurut istilah usrah didefinisikan sebagai benteng daripada kecinciran di Medan dakwah dan merupakan medan untuk meningkatkan kualiti individu, latihan sifat keikhlasan dan platform untuk meningkatkan hubungan. Usrah juga merupakan asas bagi pembinaan individu dan menjadi medium tarbiyyah paling penting dalam mendidik individu dengan tarbiah yang sempurna, kerana ia merupakan perantara berkesan dan berjaya dalam melengkapkan ahli yang berkualiti. Usrah juga merupakan aktiviti kerohanian yang membentuk keperibadian Islam dalam diri individu sehingga ia menjadi ahli yang memiliki sifat-sifat yang dikehendaki oleh al-Quran dan al-Sunnah. (Safwan Ahmad, 2013)

Di dalam Sirah, pengaplikasian sistem usrah pertama adalah di Darul Arqam, yang dijadikan pusat kegiatan Islam. Di rumah tersebut, Rasulullah SAW mengumpulkan para sahabat dan mengajarkan setiap ayat al-Quran yang diwahyukan. Ia bertujuan memberi kefahaman yang jelas kepada para sahabat tentang maksud sesuatu pensyiaran yang diturunkan dan

memudahkan mereka mengamalkan setiap ayat yang telah dipelajari dalam ibadat dan kehidupan sehari-hari. Baginda juga menekankan pembinaan akidah yang teguh supaya pengertian iman benar-benar kukuh dalam jiwa para sahabat. Ini sekaligus menjadikan para sahabat memahami tuntutan keimanan dan dapat menjauhkan diri dari segala bentuk Jahiliyah dalam diri mereka. Baginda juga telah melaksanakan aktiviti pembinaan akhlak yang berterusan melalui contoh-contoh sifat mulia nabi-nabi terdahulu yang diceritakan di dalam al-Quran, qudwah hasanah Baginda sendiri, tunjuk ajar, nasihat dan sebagainya. Tujuannya dapat memberikan keteguhan peribadi dalam diri para sahabat. (Abu Urwah, 1990)

Melihat kepada aktiviti usrah yang terdiri daripada kelompok atau kumpulan individu, ia selaras dengan tuntutan agama yang sangat memandang berat pembentukan ikatan perpaduan antara penganut-penganutnya. Dengan terbentuknya Usrah, orang Islam dipimpin ke arah contoh-contoh amalan yang baik dan menerapkan penghayatan agama sesama ahli serta dapat memperkuatkan ikatan silaturahim. Usrah merupakan wasilah yang penting dalam usaha pembinaan jamaah kerana di dalam Usrah dapat disempurnakan pembinaan individu Muslim yang memiliki akidah yang betul, ibadah yang sahih dan juga akhlak yang sempurna. Di dalam Usrah juga wujud sebatian roh bekerjasama, persefahaman, bantu membantu di antara sesama anggota Usrah dan bekerjasama dalam menyelesaikan masalah yang timbul. (Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 2011) Manakala Idris Ahmad (2005) dalam bukunya Panduan Usrah menyatakan Usrah berasal dari kalimah Arab yang bermaksud keluarga. Hubungan yang rapat dan erat antara anggota usrah menyebabkan hubungan sesama anggota usrah adalah lebih akrab daripada hubungan saudara sekeluarga pada seketika waktu. Dari segi istilah pula beliau menyatakan bahawa usrah bermaksud kumpulan individu-individu Islam beriman kepada Allah SWT. yang berusaha bantu-membantu antara satu sama lain untuk memahami dan menghayati Islam dengan lebih mendalam.

## DAKWAH MELALUI PENDEKATAN USRAH

Dakwah boleh dijalankan dalam pelbagai keadaan dan bentuk yang sesuai dengan keadaan pendakwah maupun keadaan sasaran dakwahnya. Dakwah boleh berbentuk individu, kumpulan dan institusi. Walaupun bentuknya, namun dakwah mestilah memiliki perancangan yang teliti, matang dan rasional (Berhanundin 2000). Dari segi bahasa perkataan Dakwah berasal daripada perkataan Arab yang disebut sebagai 『دعا』 yang membawa maksud menyeru, memanggil, mengajak (Mahmud Yunos 1998).


Mengikut Syeikh Ali Mahfuz, perkataan dakwah berasal dari bahasa Arab yang bermaksud memanggil, mengajak, menyeru dan menjemput pada sesuatu untuk merangsang kepada sesuatu tujuan (Ghazali 1996). Muhammad al-Ghazali (1981) pula menjelaskan maksud dakwah sebagai satu program yang lengkap dimana kesemua peringkatnya mengandungi semua ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh manusia bagi menjelaskan tujuan dan matlamat hidup di samping untuk menyingkap petunjuk jalan yang menjadi petunjuk kepada mereka. Dakwah menjadi medium bagi menyampaikan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan agama secara keseluruhannya. Manakala Yusuf Qaradhwai (1978) mentakrifkan dakwah sebagai satu usaha yang membawa orang lain kepada Islam supaya mengikut petunjuk agama, melaksanakan segala ketetapan di bumi ini, mengkhususkan segala bentuk perhambaan diri, permohonan dan taat kepada perintah Allah SWT semata-mata di dalam segala urusan, melepaskan diri daripada segala kongkongan (Taghut) yang terpaksa dipatuhi, menyeru kepada kebaikan, mencegah segala bentuk kemungkaran dan berjihad pada jalan-Nya.

Manakala Rauf Shalabi (1982) pula telah menerangkan dakwah Islam sebagai gerakan membawa atau mengubah masyarakat daripada keadaan kufur kepada keadaan iman, daripada keadaan kegelapan kepada keadaan cahaya dan daripada keadaan sempit kepada keadaan lapang, di dunia dan di akhirat. Adam Abdullah al-Aluri (1989) pula menjelaskan bahawa dakwah ialah memalingkan pandangan dan pemikiran manusia kepada pandangan dan pemikiran yang berdasarkan akidah, kerana dakwah merupakan satu seruan untuk menyelamatkan manusia daripada kesesatan yang menyebabkan mereka terjerumus ke dalamnya. Justeru, melalui beberapa pentakrifan dan pendefinisan terhadap dakwah tersebut, maka dakwah Islam dapat disimpulkan sebagai usaha yang dilakukan oleh seseorang individu atau kumpulan (Jama'ah) melalui pendekatan-pendekatan tertentu dengan tujuan untuk membawa manusia kepada keredaan Allah SWT dan menjadi medium dalam menyampaikan ilmu agama yang terkandung di bawah elemen asas agama iaitu \akidah, syariah dan akhlak seperitimana yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Elemen asas dakwah.

Menurut Ya'qub Muhammad Hussin (2001), usrah mempunyai tujuan-tujuan yang lebih khusus. Antara tujuan-tujuan utama Usrah ialah memberi kefahaman yang benar dan jelas terhadap Tasawwur Islam kepada anggota supaya dapat menentukan sikap atau hukum terhadap sesuatu perkara atau permasalahan. Selain itu, matlamat usrah adalah untuk meningkatkan penghayatan amal Islami dan menghidupkan rasa tanggungjawab untuk menjaga dan mempertahankan kemuliaan dan ketinggian ajaran Islam sama ada secara peribadi (*fardi*) atau berkumpulan (*jama`ah*) juga menjalin dan mengukuhkan ikatan ukhuwah dan persaudaraan serta memupuk semangat dan bekerja secara berjemaah. Kesimpulannya, melihat kepada pengertian dan matlamat kepada pendekatan usrah tersebut, jelas menunjukkan bagaimana besarnya penekanan yang diberikan dalam proses pembinaan insan dalam menambah baik kefahaman dan amalan terhadap kehidupan beragama berteraskan kepada Al Quran dan Sunnah Rasulullah. Rajah 2 enyimpulkan berkaitan pendekatan usrah hasil daripada kefahaman tersebut.



Rajah 2: Elemen Usrah.

## KONSEP PEMBANGUNAN INSAN

Pembangunan insan merujuk kepada suatu bentuk yang bersifat rohani dan peribadi kehidupan yang baik. Islam melihat aspek pembangunan insan terangkum dalamnya semua aspek kehidupan insan lebih-lebih lagi dari aspek kerohanian. Kamarul Azmi (2016) menyimpulkan kenyataan Al-Attas (1977) yang menerangkan bahawa semua kemajuan insan yang dibangunkan tanpa pembangunan rohani dari pandangan Islam tidak dianggap sebagai sebenar-benar pembangunan insan tetapi hanya boleh dirujuk sebagai pembangunan yang hanya bertujuan untuk memenuhi keperluan kehawanan. Pembangunan insan hanya berlaku apabila setiap pembangunan yang dilakukan mestilah membangunkan rohani, iaitu dengan sentiasa kembali kepada agama Islam yang sejati sebagaimana yang dibawa oleh baginda Rasulullah SAW.


Zainudin Hashim et. Al (2015) menyatakan pembangunan insan adalah antara misi utama ajaran Islam. Hijrah Rasulullah SAW ke Kota Madinah adalah untuk melakukan satu anjakan paradigma bagi melakukan pembangunan insan dalam pelbagai bentuk dan dimensinya. Islam mendukung penuh usaha membentuk dan membangunkan manusia berkualiti bahkan konsep kualiti itu sendiri adalah unik dalam Islam kerana ia merangkumkan kedua-dua aspek fizikal dan rohani, dunia dan akhirat. Yasien Mohamed (1998) pula menyatakan sumber metodologi pembangunan insan di dalam Islam yang berdasarkan sumber wahyu iaitu al-Quran dan Sunnah, di samping sumber lain seperti ijтиhad dan qias menjadikannya sebagai satu sumber yang begitu sesuai dengan fitrah kemanusiaan itu sendiri. Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan prinsip agama Islam, pembangunan insan yang menjadi pegangan ialah prinsip pembangunan yang menyeluruh daripada pelbagai aspek kehidupan yang merangkumi aspek intelek, rohani, emosi, dan jasmani. Demi menunjukkan suatu kepentingan dan keperluan yang tinggi, pembangunan insan ini telah diterjemahkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Menurut Sulaiman Ibrahim (2000), aktiviti usrah merupakan suatu landasan bagi pembentukan keperibadian anggota dan cara paling tepat untuk mendidik mereka secara integral, menyentuh seluruh aspek keperibadian dan selanjutnya membentuk mereka dengan konsep Islam sesuai dengan acuan Islam seperti di dalam al-Quran dan sunnah Nabi. Zalinah Mohd Nor (1990) membincangkan dengan mendalam aspek pembangunan insan dalam tiga dimensi, iaitu pembangunan menegak yang merujuk kepada pembangunan insan kepada Allah SWT, pembangunan mendatar yang merujuk pembangunan insan antara sesama insan yang

terangkum dalamnya bidang ekonomi, sosial akhlak dan politik serta pembangunan insan mendalam yang merujuk kepada pembangunan hati, akal, roh dan nafsu.

Al-Ghazali (2004) melihat pembangunan insan merangkumi aspek pengetahuan agama, akidah, ibadah, penghayatan al-Quran, adab kehidupan, kehidupan berkeluarga, mencari rezeki, perhubungan sesama manusia, akhlak dan budi pekerti, dan pembangunan jiwa dan hati. Begitu juga dengan Muhammad Badir (1992) melihat proses pembangunan insan berlaku sejak sebelum kelahiran bayi lagi, iaitu melalui pemilihan pasangan hidup sehingga saat kematian. Beliau membahaskan pembangunan dalam enam peringkat kehidupan manusia, iaitu pembangunan kanak-kanak sebelum kelahiran, pembangunan kanak-kanak ketika lahir diikuti pembangunan selepas kelahiran, pembangunan ketika remaja, pembangunan ketika kematian dan akhirnya pembangunan selepas kematian. Imam Al-Nawawi (1983) pula melihat pembangunan insan terangkum dalam lapan aspek yang utama. Aspek yang beliau bincangkan adalah terdiri daripada aspek pembangunan akhlak kepada Tuhan, pembangunan akhlak sesama insan, pembangunan sosial, pembangunan adab kehidupan, pembangunan ibadat, pembangunan jihad, pembangunan ilmu dan pembangunan pengetahuan batasan agama.

Kesimpulannya, berdasarkan kepelbagaiannya definisi kefahaman dalam menterjemahkan maksud pembangunan insan, dapat dirumuskan bahawa pembangunan insan adalah suatu pembentukan keperibadian berkualiti seseorang individu samada dari aspek rohani mahupun jasmani bersumberkan kepada konsep Islam menurut al Quran dan Sunnah Rasulullah SAW. Antara elemen yang terdapat di dalam pembangunan insan adalah spiritual yang terdiri daripada cabang kesejahteraan rohani, intelek dari sudut ilmu pengetahuan dan sahsiah dari sudut akhlak peribadi dan sosial. Justeru, Rajah 3 menunjukkan rumusan elemen bagi pembangunan insan



Rajah 3: Elemen Pembangunan Insan.

## PERKEMBANGAN AKTIVITI USRAH DI IPT

Usrah merupakan salah satu wasilah dakwah yang telah diperkenalkan oleh Asy Syahid Imam Hasan Al Banna sekaligus menjadi tunjang kepada tarbiah gerakan Islam Ikhwanul Muslimin di Mesir yang ditubuhkan pada tahun 1928 (Shamsul Azhar, Mohammad Redzuan & Abu Hanifah 2017). Menurut Afzahur Rahman (1992), di zaman Rasulullah tidak wujud istilah usrah. Namun, antara wasilah yang telah digunakan oleh baginda dalam menyampaikan dakwah Islam kepada para sahabat adalah melalui aktiviti yang dilakukan seperti di dalam usrah sebagaimana menurut kefahaman abad ini iaitu mengumpulkan sahabat di rumah Al Arqam yang dijadikan sebagai pusat kegiatan Islam. Pentarbiyah secara kelompok yang dilakukan oleh Rasulullah SAW di Darul Arqam sangat berkesan. Ia memudahkan penyampaian serta memastikan keseragaman pemahaman diterima dengan baik oleh para sahabat. Namun begitu setelah zaman berganti zaman, apabila umat Islam mula dijajah oleh kuasa-kuasa penjajah Barat, lahirlah beberapa gerakan Islam yang berjuang untuk mengembalikan semula maruah dan kedaulatan Islam. Gerakan ini telah kembali melaksanakan sistem usrah seperti yang diperkenalkan oleh Rasulullah SAW untuk mengembang dan memperkuatkan gerakan. Penubuhan gerakan Islam yang bersifat global ini pada akhirnya turut memberi kesan kepada Malaysia. Pelbagai gerakan dakwah yang menggunakan sistem usrah antaranya adalah Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM), Parti Islam Malaysia (PAS), Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) dan lain-lain. (Nurulain & Razaliegh, 2018)

Penggerak awal yang membawakan kesedaran terhadap cara hidup Islam ini dimulakan dengan sekumpulan pelajar di Universiti tempatan iaitu, Universiti Malaya yang menguasai Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya dan Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya (PMIUM) yang akhirnya membawa kepada penubuhan Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) dan ABIM. ABIM dilihat sebagai gelombang pertama dalam arus kebangkitan semula Islam di Malaysia (Zainah Anwar, 1990). Perubahan yang diterapkan oleh ABIM sejak 1971 melalui kegiatan dakwah yang menekankan cara hidup yang lengkap. Kesan dakwah ini membawa kepada perubahan yang amat ketara kepada perkembangan agama, politik, pendidikan, sosial dan ekonomi serta pemikiran masyarakat melayu di Malaysia. Kewujudan gerakan dakwah pada 1970 yang sangat rancak telah menggalakkan kelahiran banyak organisasi dakwah yang lain. Pada akhirnya, tokoh-tokoh hebat telah

muncul hasil daripada terlibat secara langsung dengan gerakan dakwah ini seperti Dato' Seri Anwar Ibrahim, Dato Seri Haji Abdul Hadi dan lain-lain lagi. Hal ini menunjukkan Program Usrah dapat membangun peribadi diri mahasiswa yang unggul.

Menurut Fairuz Abadi (t.t), usrah berasal daripada kalimah arab ‘al-Dir’u’ dan ‘al-Hasinah’ yang membawa erti penjagaan. Usrah merupakan satu wadah yang mengumpulkan ahlinya untuk memahami sesuatu matlamat dan diibaratkan sebagai perisai atau pelindung yang kukuh bagi setiap anggotanya. Ahmad syalabi menjelaskan bahawa perumpamaan usrah sebagai satu keluarga hasil dari pembentukan ikatan perpaduan satu kumpulan. Kumpulan ini dipimpin oleh seorang ketua yang mengajak ahli kumpulannya ke arah kebaikan dan kemuliaan yang tinggi serta diperkuuhkan lagi dengan ikatan persaudaraan atau ukhuwah Islamiyyah dalam kalangan mereka.

Penyertaan mahasiswa di dalam aktiviti usrah memberi manfaat melalui suatu bentuk komunikasi melalui perkongsian ilmu pengetahuan sesama ahli yang berbeza latar belakang pengajian. Permasalahan isu dalam kalangan mahasiswa ini sekali gus menimbulkan tanda tanya mengenai pendekatan program-program kerohanian yang dijalankan di sesebuah IPT terhadap pembangunan insan mahasiswa. Oleh yang demikian, di dalam kajian ini lebih untuk mengetahui konsep pendekatan dakwah yang terdapat di dalam usrah terhadap pembangunan insan serta mengemukakan elemen dakwah melalui usrah terhadap pembangunan insan mahasiswa di IPT.

## PERBINCANGAN

Setelah memahami elemen asas dakwah, aspek pendekatan usrah dan kerangka konsep pembangunan insan, terdapat beberapa perkara penting yang perlu digariskan di dalam penulisan ini, iaitu:

- 1) Usrah tunjang tarbiyyah dalam membangunkan insan.

Berdasarkan kajian literatur di atas jelas menunjukkan usrah merupakan salah satu sistem tarbiyyah yang telah diperkenalkan oleh Rasulullah SAW yang bermatlamat untuk memahami dan mengamalkan cara hidup yang selamat berdasarkan perintah Allah SWT. Matlamat utama dalam tarbiyyah adalah untuk membina insan dan kader-kader dakwah untuk meneruskan usaha amar makruf nahi munkar. Usrah juga antara cara yang berkesan untuk mendidik umat Islam secara integral (syumul), menyentuh seluruh aspek keperibadian dan selanjutnya membentuk mereka dengan konsep Islam sesuai dengan kehendak al-Quran dan as-Sunnah selaras dengan salah satu daripada kerangka konsep yang terdapat di dalam pembangunan insan


itu sendiri iaitu pembangunan akhlak dan peribadi. Disebabkan itu, usrah memiliki peranan yang sangat penting sehingga dianggap sebagai salah satu tiang utama kepada tarbiyyah dan kesatuan umat disebabkan salah satu matlamatnya yang ingin mencapai kesatuan pemikiran (*wahdah al-fikr*) dan kesatuan amal (*wahdah al-'amal*) di dalam sesebuah kumpulan.

Antara masalah yang melanda umat Islam masa kini adalah leka dengan urusan dunia sehingga mengabaikan kepentingan urusan akhirat. Usrah mendidik jiwa ahlinya kembali ke arah kehidupan beragama. Manusia pada akhir zaman khususnya golongan muda seperti mahasiswa semakin lalai dengan nikmat keduniaan yang ada seperti hiburan yang dikategorikan sebagai permainan dunia. Bahkan sebahagian mereka terlibat dengan aktiviti tidak bermoral disebabkan kurangnya peringatan berkaitan hukum-hakam dan tuntutan agama. Mereka yang mampu menjaga dan mendidik hati dapat mengelak daripada terjebak dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah dan maksiat sekaligus berperanan sebagai pintu untuk membangkitkan kesedaran Islam dalam diri ahlinya serta menjadi tempat untuk mentarbiyah diri agar menjadi seorang muslim yang lebih baik dan faham terhadap tuntutan-tuntutan Islam. Ini membuktikan juga bahawa usrah mempunyai peranan dan pengaruh terhadap pembangunan sosial individu.

Usrah juga merupakan medium perbincangan ilmiah dan suatu medan menjalinkan ukhuwah Islamiyah dengan penuh mahabbah sesama saudara muslim. Perkara merupakan suatu elemen yang dekat dengan jiwa seorang mahasiswa. Penerangan dan perkongsian ilmu daripada *Nuqaba'* dan ahli usrah dapat membantu ahli-ahlinya, mendekati Islam dengan lebih baik untuk terus istiqamah dalam membuat perubahan pada diri. Justeru, melazimi usrah dapat meningkatkan ilmu pengetahuan kerana banyak faedah yang bakal diperolehi daripadanya baik dari sudut dunia maupun akhirat. Ini menunjukkan peranan usrah mampu membangunkan nilai ilmu dan kerohanian dalam kalangan ahlinya.

2) Elemen dakwah melalui pendekatan usrah terhadap pembangunan insan mahasiswa.

Setelah melakukan kupasan literatur dan teori, satu Rajah dibina bagi menjelaskan secara ringkas proses dakwah melalui pendekatan usrah terhadap pembangunan insan mahasiswa. Secara ringkasnya, Rajah 4 di bawah menunjukkan satu gambaran aliran serta elemen-elemen yang mempunyai perkaitan dalam menyumbang kepada pembangunan insan mahasiswa yang terlibat secara langsung dengan aktiviti usrah.



Rajah 4: Elemen Dakwah Melalui Pendekatan Usrah Terhadap Pembangunan Insan Mahasiswa

Berdasarkan Rajah 4, terdapat dua elemen dalam pendekatan usrah yang memainkan peranan dalam proses pembentukan pembangunan insan mahasiswa yang berkualiti iaitu elemen dalaman dan luaran. Aspek elemen dalaman melibatkan proses tarbiyyah dalam membentuk individu muslim yang memahami tuntutan dan batas agama. Pendekatan tarbiyyah ialah pendekatan yang berbentuk bimbingan dan didikan bagi meningkatkan ilmu pengetahuan agama dalam kalangan mahasiswa. Pelbagai kaedah tarbiyyah yang boleh digunakan mengikut kesesuaian antaranya bimbingan secara kelompok seperti ceramah, *halaqah* dan termasuk juga usrah. Begitu juga bimbingan secara individu seperti belajar ilmu agama secara *talaqi*, sesi perkongsian ilmu secara individu dan sebagainya.

Antara matlamat melaksanakan program tarbiyyah ini adalah bagi meningkatkan pengetahuan dan pemahaman ilmu agama dan rohani agar mereka jelas dengan tujuan dan matlamat kehidupan di dunia bagi meningkatkan keimanan menuju kepada reda Allah SWT. Apabila seseorang itu jelas dalam memahami matlamat dan tujuan hidup, secara tidak langsung mereka juga memahami apa perkara yang perlu diutamakan, apa perkara yang baik dan buruk, apa perkara yang betul dan salah bagi mencapai sebuah kehidupan yang berkualiti mengikut landasan agama. Terdapat 3 aspek utama yang perlu ditekankan oleh mahasiswa dalam mengukuhkan tasawur Islam iaitu akidah, syariah/ibadah dan akhlak. Memahami ketiga-tiga elemen ilmu tersebut adalah penting dan perlu diberi penekanan oleh mahasiswa bagi meningkatkan pembangunan insan yang pada akhirnya melahirkan seorang individu muslim atau mahasiswa yang berkualiti dari sudut ilmu agama, rohani, akhlak dan peribadi.

Selain daripada elemen dalaman, pendekatan usrah melalui elemen luaran juga memainkan peranan yang penting bagi membantu menjayakan proses kemenjadian mahasiswa berkualiti. Aspek luaran pendekatan usrah yang dimaksudkan adalah memantapkan ukhuwah dan hubungan *silaturahim* sesama ahli usrah. Hal ini kerana makna usrah itu sendiri menerapkan elemen ukhuwah sehingga beranggapan bahawa ahli usrah itu seperti keluarga mereka sendiri. Sokongan sosial daripada ahli usrah ini seharusnya diperkuuhkan kerana ia merupakan salah satu bentuk pembangunan sosial dan tunjang utama dalam kesatuan umat. Antara contoh bentuk manfaat yang diperoleh daripada sokongan sosial ini adalah nasihat dan bimbingan daripada sahabat usrah atau naqib/naqibah, membantu ahli usrah ketika mereka memerlukan pertolongan, menjadi tempat mendengar luahan sahabat usrah dan sebagainya.

Elemen dalaman dan luaran merupakan suatu proses pembentukan pembangunan insan ke arah melahirkan mahasiswa yang berkualiti. Pembangunan insan ini meliputi beberapa elemen penting dalam pembangunan individu seperti ilmu, kerohanian, akhlak, ibadat dan sosial. Apabila mahasiswa terlibat secara langsung dengan aktiviti usrah, proses pembentukan peribadi ini berkembang dan berjalan seiring dengan matlamat pendekatan tersebut. Justeru, pendekatan dakwah melalui usrah mempunyai hubung kait dalam melahirkan seorang individu muslim atau mahasiswa yang mempunyai akhlak dan pembangunan insan yang baik. Sesuai dengan kedudukan usrah sebagai platform pendidikan untuk melahirkan individu yang baik dan berkualiti serta mampu melaksanakan tugasannya dengan cemerlang.

## IMPLIKASI KAJIAN

Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa aktiviti usrah perlu untuk dijadikan sebagai suatu silibus atau kursus di universiti dalam melahirkan jati diri mahasiswa yang berkualiti bukan sahaja dari sudut akademik malah dari sudut keperibadian sekaligus membentuk individu yang berjaya dalam kehidupan, memimpin dan bermanfaat kepada masyarakat ke arah membina negara sejahtera dan makmur. Platform pelaksanaan dakwah melalui pendekatan usrah dilihat amat penting bagi menarik mahasiswa yang beragama Islam untuk menghayati dan berpegang teguh dengan ajaran Islam. Cadangan menjadikan usrah sebagai suatu silibus atau kursus akademik ini adalah dengan tujuan membangunkan nilai ilmu dan kerohanian ke arah mahasiswa seimbang antara tuntutan duniaawi dan ukhrawi.

## PENUTUP

Dakwah melalui pendekatan usrah mempunyai peranan dalam membangunkan insan mahasiswa dan pendekatan ini boleh diketengahkan ke dalam masyarakat khususnya golongan muda yang memerlukan bimbingan dan dorongan agama dalam menjalani kehidupan. Hal ini kerana melalui aktiviti usrah ini mampu untuk membina jati diri mahasiswa berkualiti dan memperkuuhkan kefahaman agama melalui medium yang betul serta mendapat bimbingan kerohanian dalam kehidupan mereka. Agama menjelaskan kepada manusia tentang matlamat kehidupan yang sebenar iaitu menuju Allah SWT. Maka melalui proses tarbiyyah di dalam usrah ini merupakan suatu perkembangan dalam mendekatkan diri kepada agama. Di samping itu, pendekatan usrah menekankan elemen ukhuwah yang menjadi sokongan sosial kepada setiap manusia terutama kepada mereka yang mengalami masalah dan berada di dalam kesusahan. Maka sokongan sosial yang baik dapat mengukuhkan hubungan persaudaraan sesama muslim selain dapat membina motivasi sesama ahli usrah. Unjuran itu, elemen dalaman dan luaran pendekatan usrah dipercayai mempunyai pengaruh terhadap proses pembentukan pembangunan insan mahasiswa.

## KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisyiharkan tiada konflik kepentingan.

## SUMBANGAN PENULIS

Konseptualisasi: Mohd Muqrie Mohd Sopi & Siti Jamiaah Abdul Jalil.  
Penulisan: Mohd Muqrie Mohd Sopi & Siti Jamiaah Abdul Jalil.

## PENGHARGAAN

Tiada

## RUJUKAN

- Abu Urwah. 1990. *Risalah Usrah Jilid III*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.  
Afzalur Rahman. 1992. *Ensiklopedia Sirah, Sunnah, Dakwah dan Islam jilid 1*. Zaharah Salleh (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ahmad Munawar Ismail dan Mohd Nor Shahizan Ali. 2019. *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Bangi: Penerbit UKM.
- Al-Aluri, Adam Abdullah. 1989. *Tarikh al-Da'wah al-Islamiyyah Bain al-Ams Ila al-Yawm*. Qaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Ghazali, Muhammad. 2004. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Jld. 1-5. Misr: Al-Maktabah al-Taufiqiyah.
- Al-Nawawi, Mahyuddin. 1983. *Riyad al-Salihin*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Ali Bin Suradin dan Eni Eryanti Yusoff. 2005. Penghayatan Nilai-Nilai Murni Ke Arah Pembentukan Disiplin Pelajar. *Prosiding Seminar Pendidikan JPPG 2005*.
- Al-Attas, Syed Muhammad al-Naquib. 1977. *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Awang Nazarudin Bin Awang Drahman & Maimun Aqsha Bin Abdin Lubis. 2017. Amalan Kerohanian Membentuk Disiplin Pelajar. *Simposium Pendidikan Diperibadikan: Perspektif Risalah An-Nur (Spring 2017)*: 28-36.
- Bahagian Latihan Kepimpinan Pelajar Universiti Islam Antarabangsa. 1995. *Usrah; Personality Development Course*. Gombak: Unit Percetakan UIA.
- Berita Harian, 24 Disember 2017. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/12/367090/kematian-zulfarhan-nhaveen-buka-mata-isu-buli-dera>
- Berhanundin A. 2000. *Pentadbiran Organisasi Dakwah dalam Pengurusan Islam*. Abdul Ghaffar Don. et.al. (ed) *Dakwah dan Pengurusan Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fairuz Abadi. (t.t). *Mu jam Al-Wasit*. Beirut: Muassah Al-Risalah.
- Ghazali Darul Salam. 1996. "Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah". Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Idris Ahmad. 2005. "Panduan Usrah". Kuala Lumpur: Sarjana Media.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2016. Pembangunan Insan daripada Perpektif Islam. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Ed. Pertama). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia] (AIES): 102-107.
- Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. 2011. *Usrah Siri 1; Menjana Mahasiswa Muttaqi*. Bangi: KUIS.
- Mahmud Yunos. 1998. *Kamus Arab – Indonesia*. Indonesia: Padang, Jakarta.
- Mohd Ismail Mustari, Selamat Hashim, Azmi Shah Suratman, Abd. Basit Abd. Samat, Abdul Rahman Hamzah & Abdul Hafiz Abdullah.

2003. Kajian sahsiah pelajar-pelajar sekolah menengah agama kerajaan Johor Kluang, Kluang Johor. Laporan Projek. UTM.
- Muhammad al-Ghazali. 1981. *Ma'a Allah*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Muhammad Badir. 1992. *Manhaj al-Sunnah al-Nabawiyyah fi al-Tarbiyyah al-Insan*. Al-Qahirah: Maktabah al-Da'wah al-Islamiyyah bi al-Mansurah.
- Norsaadah Din, Yusni Mohamad Yusak, Muhamad Fadzil. 2012. *Usrah Wadah Pendidikan: Pengaplikasiannya Melahirkan Insan Terpelajar dan Terdidik*. Negeri Sembilan: USIM.
- Nurulain Abd Rahim & Razaleigh Muhamat @ Kawangit. 2018. Perkembangan Usrah Di Malaysia Dan Kepentingannya Kepada Masyarakat: Satu Tinjauan Awal. *Manuskrip At-Tahkim* 8(6):1-4.
- Ranita Manap, Norziah Othman, Siti Nurashidah Ruslan, Khairunnisa Ismail & Aimi Fadzirul Kamarubahrin. 2018. Konsep dan Model Penilaian Terhadap Keberkesanan Program Kerohanian Mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Islam (IPTI) di Malaysia. International Research Management & Innovation Conference.
- Rauf Shalabi. 1982. *Sikulughiyyah al-Ra'i wa al-Da'wah*. Kuwait: Dar al-Qalam.
- Safwan Ahmad. 2013. Amalan program usrah di sekolah agama menengah: kajian kes di Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya, Selangor. Masters thesis, University of Malaya.
- Santrock, J, W. 2011. *Life-Span Development (Perkembangan Masa Hidup)* Jakarta: Erlangga.
- Saharia Ismail. 2015. Pembangunan Insan Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Journal of Human Capital Development* 8 (2): 83-99.
- Shamsul Azhar Yahya, Mohammad Redzuan Othman & Abu Hanifah Haris. 2017. Tahalluf siyasi dalam perjuangan Ikhwan al-Muslimin di Mesir, 1970-1981. *Jurnal Hadhari Edisi Khas 2017*: 183-193.
- Sulaiman Ibrahim. (2000). *Tarbiah Da'awiah untuk Golongan Remaja: Suatu Tinjauan terhadap Manhaj al-Ikhwan al-Muslimin* dalam buku *Dakwah dan Perubahan Sosial*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, h. 75.
- Ya'qub Muhammad Hussin. 2001. *Beberapa Panduan Asas Usrah dan Harakah*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar.
- Yasien Mohamed. 1998. *Human Nature in Islam*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.
- Yusuf al-Qaradhawi. 1978. *Thaqafah al-Da'iyyah*. Beirut: Dar al-Ahya al-Turath.

- Zainudin Hashim, Fakhrul Adabi Abdul Kadir & Yusmini Md. Yusoff.  
2015. Pendekatan Hasan Al-Banna Dalam Pembangunan Insan  
Menerusi Majmu'at Al-Rasail. *Jurnal Hadhari* 7 (2): 49-62.
- Zalinah Mohd Nor. (1990). *Pembangunan Insan Menurut Perspektif Islam*.  
Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Zainah Anwar. (1990). *Kebangkitan Islam di Kalangan Pelajar Malaysia*.  
Petaling Jaya: IBS Buku Sdn Bhd

**Pengarang**

\* Mohd Muqrie Mohd Sopi (Pengarang Koresponden)  
Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
Emel: mohdmuqrie@gmail.com

Siti Jamiaah Abdul Jalil  
Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
Emel: sitijamiaah82@ukm.edu.my